

Tahun ular lebih semangat

» Restoran, hotel sedia menu istimewa

Walaupun sambutan Tahun Baru Cina masih jauh lagi, kebanyakan hotel dan restoran di seluruh negara sudah pun menguar-uarkan promosi hidangan bagi meraikan kedatangan perayaan.

Mengikut kalendar masyarakat Cina, tahun ini adalah Tahun Ular bagi menggantikan naga air yang diraikan sebelum ini. Menurut zodiak Cina, individu yang dilahirkan dalam Tahun Ular dilambangkan ber tenaga dan bersemangat.

Justeru, memenuhi lambang yang dibawa untuk tahun ini, kebanyakan promosi makanan menawarkan hidangan istimewa, malah ada resipi dicipta khusus bagi menerjemahkan maksudnya.

Apa yang pasti, setiap promosi makanan menampilkan keenakan tersendiri dengan kepakaran jurumasak masing-masing untuk menambat selera pelanggan.

Yee Sang buah tropika

Raikan Tahun Baru Cina dengan keluarga dan rakan-rakan di Si Chuan Dou Hua di Park Royal, Kuala Lumpur dengan barisan set menu yang disediakan khas bersama Yee Sang untuk makan tengah hari dan malam.

Minum petang Tahun Baru Cina juga menanti anda di Chatz Brasserie. Dari 18 Januari sehingga 24 Februari, nikmati hidangan mewah yang disediakan oleh Chef Masakan Cina, Chew Chee Kuong



Hidangan simbolik

Memulakan sambutan Tahun Baru Cina, Corus Kuala Lumpur menyajikan makanan mengenyangkan dan hidangan simbolik mewakili nasib baik, kemakmuran dan kesihatan untuk dinikmati bersama keluarga dan rakan.

Justeru, jangan lupa singgah di restoran Cina, Ming Palace dan rasakan keenakan masakan disediakan jurumasak handal diketuai oleh Chef Eksekutif, Ng Chee Wah. Hidangan pilihan terdapat dalam set menu dan juga *a la carte*. Untuk Yee Sang disediakan dari 8 Januari hingga 24 Februari depan.

Promosi Yee Sang menawarkan gaya yang berbeza penyediaan seperti abalon Australia Yee dengan telur ikan, salmon dan mentega pain bersama epal Fuji, pear Korea dan biji pain serta sebagainya yang melambangkan kebaikan kesihatan dan kekayaan.

Harga hanya dari RM48++ hingga RM268++. Restoran ini juga menawarkan menu istimewa Tahun Baru Cina untuk memenuhi selera. Dua set berbeza dengan tujuh hidangan makanan disediakan untuk sekurang-kurangnya empat orang berharga RM108++ dan RM138++ setiap orang.

Antara yang terdapat dalam menu adalah salmon dengan pear Korea, sup ayam rebus berganda dengan kapis kering dan bunga *cordycep*, ayam masin *Cheng Yuen*, nasi goreng dengan itik dan sebagainya.

Bagi kumpulan lebih besar, ditawarkan lima set berbeza dengan sembilan hidangan berharga dari RM988++ hingga RM2,888++ untuk 10 orang.

Banyak lagi promosi menarik dan hidangan enak ditawarkan sepanjang musim perayaan. Untuk sebarang pertanyaan atau tempahan, sila hubungi 03-21618888 sambungan 127 atau 188.

dan Chef Sichuan Wang Yunghai bersama pasukan mereka.

Setiap menu set direka khusus dengan hidangan simbolik iaitu Yee Sang yang menyuntikkan semangat dan berwarna-warni serta sarat dengan kemakmuran dan nasib baik.

Pastikan anda mencuba menu istimewa, buah tropika yang terdiri dari-

pada kiwi dihiris, buah naga, mangga, strawberi, epal dan limau bali serta lain-lain lagi. Hidangan menyegarkan ini pasti akan memberikan anda satu pengalaman baru menikmati Yee Sang. Anda juga boleh memilih daripada pilihan kegemaran makanan laut seperti abalon, sirip ikan yu, salmon, tuna kuning, ketam berkulit, remis dan


obor-obor.

Yee Sang dihidangkan dengan pilihan sos khas dicipta seperti sos plum masam dipertingkatkan dengan perisa buah, sos plum pedas dengan mangga atau sos plum masam tradisional.

Berharga dari RM55 dan RM90 serta seterusnya, sama ada makan di hotel atau dibawa pulang. Terdapat enam set menu yang disediakan khas pada harga RM798 untuk 4 orang dan RM1030 (enam orang).

Jangan lupa, bawa keluarga minum petang pada 11 Februari di Chatz Brasserie. Promosi berharga RM69 untuk setiap orang dan disediakan bermula dari jam 12:30 tengah hari.

Untuk tempahan atau pertanyaan, sila hubungi 03 2147 0088 atau e-mel douhua.prkul@parkroyal-hotels.com.



🍀 Kemakmuran berganda

Menyambut tahun bertuah ular, *DoubleTree* by Hilton Kuala Lumpur membawa kemakmuran di dapur restoran yang bermula 28 Januari sehingga 24 Februari depan.

Promosi memaparkan hidangan yang disediakan oleh Chef Sous Masakan Cina, Cheong Boon Fei dan pasukannya.

Memastikan sambutan lebih meriah, restoran akan menganjurkan cabutan bertuah harian iaitu dengan hanya berbelanja minimum RM288 dalam satu bil. Dua pengunjung bertuah berpeluang memenangi "Angpau Kemakmuran Berganda". Ia melayakkan pengunjung makan malam dengan nilai bil semasa mereka untuk kunjungan seterusnya.

Mulakan perjalanan kulineri kemakmuran de-

ngan minum petang dan diikuti, makan tengah hari dan malam. Minum petang berharga RM55++ manakala makan tengah hari, RM 62++ dan RM85 ++ bagi makan malam.

Sambutan pasti meriah dengan memulakan Yee Sang yang menggabungkan bahan seperti itik panggang diperap, ikan kukus dengan kulat hitam gaya Katonis, udang goreng dengan epal dan mentega sos manis, gaya ketam goreng dengan serai, tumis kerang dalam sos tiram lumut dan banyak lagi. Yee Sang percuma akan dihidangkan di meja dengan sekurang-kurangnya enam orang.

Jangan lepaskan peluang untuk bergembira dengan keluarga dan rakan-rakan, makan malam di Makan

Kitchen yang menyajikan lebih 80 hidangan. Berharga pada RM108++, anda akan nikmati pelbagai rasa dari kerang kukus hingga daging rusa goreng dengan kuah Szechuan 'Pan Tau', tumis ikan dengan cendawan Cina, hirisan daging goreng dengan bawang dalam mentega berkrim lada sos dan lain-lain.

Bufet dipertingkatkan dengan pemilihan luas pencuci mulut yang lazat termasuk sup kacang merah dengan *Tong Yuen*, goreng keladi, keledak, biskut bijan, *Ang Ku*, telur tat Cina dan banyak lagi.

Untuk tempahan makan Tahun Baru Cina, hubungi 03-21727272/7680 atau membuat tempahan dalam talian di www.Makan-Kitchen.com